

Harga petrol naik

BH 10 AUG 2000

KUALA LUMPUR, Rabu - Harga petrol akan dinaikkan, tetapi kerajaan memberi jaminan akan mengambil kira pelbagai faktor sebelum memutuskan peratus kenaikannya agar tidak membebankan pengguna.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kenaikan itu mungkin tidak dapat dielakkan kerana kerajaan menanggung beban subsidi petrol kira-kira RM500 juta setahun dan sejak lapan hingga 10 tahun lalu, jumlahnya sudah menjangkau RM5 bilion.

"Kerajaan tidak boleh menanggung subsidi yang besar untuk selama-lamanya. Kita sudah tidak naikkan harga petrol antara lapan hingga 10 tahun," katanya kepada pemberita selepas menyertai lawatan Menteri Kabinet ke Menara Kembar Petronas yang diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Muhyiddin berkata, kenaikan harga petrol di pasaran antarabangsa turut menjadi faktor kemungkinan kenaikan itu. Sejak tahun lalu, harga petroleum meningkat kepada AS\$30 (RM114) setong daripada harga serendah AS\$18 setong dua tiga tahun lalu.

Muhyiddin bagaimanapun berkata, jika dinaikkan pun,

harga petrol dalam negara masih rendah berbanding beberapa negara lain di rantau ini.

Di Semenanjung Malaysia, harga runcit terkawal petrol tanpa plumbum ialah RM1.10 seliter, petrol biasa (RM1.06), diesel (65.10 sen) dan LPG (RM1.18 sen). Tanpa subsidi, harga petrol tanpa plumbum ialah RM1.55 seliter, petrol plumbum (RM1.51), diesel (RM1.06) dan LPG (RM1.83).

Di Sabah, petrol tanpa plumbum berharga RM1.08, petrol plumbum (RM1.06), diesel (65.40 sen) dan LPG (RM1.26) manakala di Sarawak petrol tanpa plumbum ialah RM1.09, petrol plumbum (RM1.06 sen), diesel (64.80 sen) dan LPG (RM1.26 sen).

Di Thailand, satu liter petrol tanpa plumbum berharga kira-kira 17 Baht seliter (RM1.70), petrol biasa 16.20 Baht (RM1.62) dan diesel 13.55 Baht (RM1.35) manakala di Singapura harga petrolnya dilaporkan 160 peratus lebih tinggi berbanding Malaysia.

Ditanya sama ada kenaikan harga itu akan melebihi lima peratus, Muhyiddin berkata jawatankuasa yang dipengerusikan Kementerian Kewangan dan dianggotai kementeriannya sedang menjalankan kajian terperinci berhubung peratus kenaikan itu sebelum dikemuka-

LIHAT MUKA 2

Kadar kenaikan belum diputus

DARI MUWA 1

BH
kan kepada Kabinet untuk keputusan muktamad.

Beliau berkata, kajian itu turut mengambil kira kesan ke atas inflasi dan sektor lain yang banyak menggunakan komoditi itu, seperti pengangkutan.

Katanya, pegawai kementeriannya memberi input dan pandangan kepada jawatankuasa terabit terutama dari segi kesan ke atas pengguna.

"Bila kajian itu selesai, barulah dibawa ke Kabinet untuk pertimbangan.

10 AUG 2000

Terpulang kepada Kementerian Kewangan bila boleh menyiapkan laporan kajian itu. Terdapat kemungkinan (kenaikan harga) tetapi kami belum memutuskan kadar kenaikannya.

"Kemungkinan juga kita mengambil kira faedah (kepada rakyat) kerana kita pengeluar minyak...boleh juga dinikmati oleh pengguna tetapi tidak ke satu tahap yang kita rasa membebani (rakyat)," katanya.